

MAHATHIR - PELABURAN

I

KUALA LUMPUR, 27 MAC (BERNAMA) -- KESEDIAAN KERAJAAN DAN RAKYAT UNTUK MENERIMA PELABURAN ASING SEBAGAI SATU CARA PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PERINDUSTRIAN, MERUPAKAN FAKTOR UTAMA YANG MENARIK PELABUR KE NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SIKAP SEUMPAMA ITU BUKAN SAHAJA MEMASTIKAN CARA BERURUSAN YANG ADIL, MALAHAN SEBAGAI ALU-ALUAN KEPADA PELABUR ASING.

+WALAU APA PUN TARIKAN LAIN YANG DIPUNYAI OLEH MALAYSIA DARIPADA SEGI PERSAINGAN KOS BURUH, HARGA TANAH DAN SEBAGAINYA, SAYA PERCAYA FAKTOR UTAMA YANG HARUS DIAMBIL BERAT OLEH MANA-MANA PELABUR IALAH SIKAP KERAJAAN DAN RAKYAT NEGARA BERKENAAN,+ KATA BELIAU PADA MESYUARAT PELANCARAN PERSATUAN PELABUR TAIPEI DI MALAYSIA, DI SINI.

BELIAU BERKATA BAHAWA DI MALAYSIA, SIKAP KERAJAAN DAN RAKYATNYA SUDAH DISESUAIKAN KE ARAH PENERIMAAN PELABURAN ASING SEBAGAI SATU CARA UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PERINDUSTRIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESTABILAN POLITIK DI MALAYSIA ADALAH SATU DARIPADA +FAKTOR TARIKAN+ YANG PALING KUAT UNTUK PELABUR YANG JUGA MENJAMIN PERLINDUNGAN TERHADAP PELABURAN MEREKA DI BAWAH SISTEM PERUNDANGANNYA. -- LAGI.

1402MST 27 03 90

DJ45

U B157 DEB

MAHATHIR - PELABURAN 2 KUALA LUMPUR

UNTUK MENGURANGKAN KERENAH PENTADBIRAN, KATA PERDANA MENTERI, KERAJAAN SUDAH MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH TERTENTU SEPERTI MENUBUHKAN PUSAT PELABURAN DI LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA). KONSEP YANG SERUPA JUGA DILAKSANAKAN OLEH PERBADANAN-PERBADANAN EKONOMI NEGERI.

BELIAU BERKATA PELABURAN UNTUK PENGANGKUTAN OLEH KERAJAAN PUSAT SECARA PURATA MERUPAKAN 18 PERATUS DARIPADA PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN-RANCANGAN LIMA TAHUNNYA, DENGAN SEKTOR JALAN DAN PELABURAN MEMPEROLEHI BAHAGIAN YANG BESAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMUJI PELABUR TAIWAN KERANA MENJALANKAN 95 PERATUS DARIPADA PROJEKNYA SECARA USAHASAMA DENGAN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA, DALAM 1988 DAN TAHUN LEPAS, SEJUMLAH 298 PROJEK PELABURAN TAIWAN DILULUSKAN DENGAN MODAL PELABURAN YANG DICADANGKAN SEBANYAK \$2,900 JUTA. JUMLAH PROJEK ITU LEBIH BESAR DARIPADA JUMLAH KESEMUA PROJEK TAIWAN YANG DILULUSKAN SEBELUM 1988.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PELABURAN TAIWAN DI MALAYSIA TELAH MENUNJUKKAN PENINGKATAN YANG MENGAGUMKAN SEJAK 1987 APABILA IA MENDUDUKI TEMPAT KETIGA SELEPAS SINGAPURA DAN JEPUN DARIPADA SEGI JUMLAH PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN.

PADA 1988, TAIWAN MENGAMBIL TEMPAT JEPUN DI TANGGA KEDUA DAN PADA 1989 TAIWAN MENGATASI SINGAPURA PULA UNTUK MENDUDUKI TEMPAT TERATAS, KATANYA. -- LAGI.

U B170 DEB  
MAHATHIR - PELABURAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PENINGKATAN PELABURAN TAIWAN DI MALAYSIA SENTIASA DIBERI LIPUTAN BESAR OLEH AKHBAR TEMPATAN, TERMASUK LAPORAN YANG MEMPUNYAI KESAN NEGATIF SEPERTI LAPORAN MENGENANI PEMBELIAN TANAH PERINDUSTRIAN OLEH PELABUR TAIWAN UNTUK TUJUAN SPEKULASI.

BELIAU BERKATA PENUBUHAN PERSTUAN PELABUR TAIWAN ITU PERLU UNTUK MEMBETULKAN LAPORAN-LAPORAN NEGATIF SEUMPAMA ITU.

+SEBAGAI PENIAGA, ANDA MUNGKIN SUDAH SEDAR BAHAWA DALAM PERNIAGAAN SATU TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KADANG-KALA BOLEH MENGHAPUSKAN HUBUNGAN PERNIAGAAN YANG BAIK BUAT SELAMA-LAMANYA,+ KATANYA.

+SERUPA JUGALAH, SATU SAHAJA TINDAKAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB OLEH HANYA SATU PELABUR TAIWAN, BOLEH MEROSAKKAN RUNDINGAN PERNIAGAAN MASA AKAN DATANG ANTARA PENIAGA MALAYSIA DENGAN PENIAGA TAIWAN.+

KETIKA BERCAKAP DENGAN WARTAWAN KEMUDIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN YANG DIBAWA MASUK OLEH PELABUR TAIWAN AKAN MEMBANTU MENGEMBANGKAN EKONOMI MALAYSIA.

BELIAU BERKATA TAIWAN YANG DAHULUNYA KETINGGALAN KEPADA MALAYSIA DARIPADA SEGI PENDAPATAN MODAL, KINI SUDAH MAJU KE HADAPAN DARI NEGARA INI.

-- LAGI.

1543MST 27 03 90

U B172 DEB  
MAHATHIR - PELABURAN 4 KUALA LUMPUR

SAMBIL MEMUJI SIKAP PELABUR TAIWAN, BELIAU BERKATA MEREKA SENTIASA BERSEDIA MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN PELABUR TEMPATAN.

KETIKA DITANYA MENGENAI CADANGAN SEBUAH SYARIKAT TAIWAN UNTUK MEMBUKA KILANG KELULI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA= +KAMI BERSEDIA MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA SEBARANG CADANGAN PELABURAN.+

BAGAIMANAPUN BELIAU MENYARANKAN AGAR SYARIKAT TAIWAN ITU MENENTUKAN SAIZ PASARAN KELULI DI MALYSIA TERLEBIH DAHULU, MEMANDANGKAN YANG NEGARA INI BUKANLAH PENGGUNA KELULI YANG BESAR.

MENGENAI PERMINTAAN SYARIKAT ITU BAGI PEMBINAAN SEBUAH PELABUHAN BERASINGAN BAGI MENGENDALIKAN HASIL KELUARANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MEMPUNYAI PELABURAN YANG SESUAI UNTUK TUGAS ITU.

BAGAIMANAPUN MALAYSIA AKAN BERSETUJU UNTUK MEMBINA PELABUHAN BARU JIKA DIDAPATI NEGARA AKAN MEMPEROLEHI FAEDAH YANG BESAR DARIPADANYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA.

1549MST 27 03 90